



Good food, Good life

TERMA DAN SYARAT

A. Jadual bagi Syarat Penyertaan

1. <u>Penganjur:</u>	Nestlé Products Sdn. Bhd. (197901000966).																							
2. <u>Promosi:</u>	PERADUAN MERIAHKAN AIDILFITRI BERSAMA NÉSCAFE EKSKLUSIF DI LOTUS’S.																							
3. <u>Tempoh Promosi:</u>	Promosi bermula jam 00:00:00 (WPM) pada 19/02/2026 dan ditutup jam 23:59:59 (WPM) pada 08/04/2026.																							
4. <u>Kelayakan:</u>	Promosi ini dibuka kepada semua penduduk individu Malaysia yang sah berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi, dan dengan dokumen pengenalan yang sah dan beralamat rumah di Malaysia (“Peserta”). Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.																							
5. <u>Produk Turut Serta:</u>	Disenaraikan di bawah adalah produk turut serta (“Produk”): <table><tr><th>PRODUK TURUT SERTA</th></tr><tr><td>NESCAFE 3IN1 HAZELNUT LATTE 15SX23G</td></tr><tr><td>NESCAFE 3IN1 KURMA 15X23G</td></tr><tr><td>NESCAFE 3IN1 MILD 25X18G</td></tr><tr><td>NESCAFE 3IN1 MOCHA LATTE 15SX25G</td></tr><tr><td>NESCAFE 3IN1 ORI 25X18G</td></tr><tr><td>NESCAFE 3IN1 ORI 25X18G FOC 3S</td></tr><tr><td>NESCAFE 3IN1 ORI 50SX18G + TUMBLER</td></tr><tr><td>NESCAFE 3IN1 ORI 5X18G</td></tr><tr><td>NESCAFE 3IN1 RICH 25X18G</td></tr><tr><td>NESCAFE 3IN1 WHITE COFFEE 15SX30G</td></tr><tr><td>NESCAFE 3IN1 WHITE COFFEE 15Sx27G</td></tr><tr><td>NESCAFE CLASSIC REFILL PACK 200G</td></tr><tr><td>NESCAFE DOLCE GUSTO CAPPUCINO 186.4G</td></tr><tr><td>NESCAFE DOLCE GUSTO CHOCONICO 3SX256G</td></tr><tr><td>NESCAFE DOLCE GUSTO LATTE MACHIATO 183.2G</td></tr><tr><td>NESCAFE ESP CON BLACK 500ML FOC JIGGER</td></tr><tr><td>NESCAFE ESP CON VANILLA 500ML FOC JIGGER</td></tr><tr><td>NESCAFE ESP CONCENTRATE BLACK 500ML</td></tr><tr><td>NESCAFE ESP CONCENTRATE VANILLA 500ML</td></tr><tr><td>NESCAFE GOLD 200G FOC CUTLERY SET</td></tr><tr><td>NESCAFE GOLD 2IN1 CAFE WHITE (12X16G)</td></tr><tr><td>NESCAFE GOLD 2IN1 CAFE WHITE 12X16G FOC CHOPSTICK</td></tr></table>	PRODUK TURUT SERTA	NESCAFE 3IN1 HAZELNUT LATTE 15SX23G	NESCAFE 3IN1 KURMA 15X23G	NESCAFE 3IN1 MILD 25X18G	NESCAFE 3IN1 MOCHA LATTE 15SX25G	NESCAFE 3IN1 ORI 25X18G	NESCAFE 3IN1 ORI 25X18G FOC 3S	NESCAFE 3IN1 ORI 50SX18G + TUMBLER	NESCAFE 3IN1 ORI 5X18G	NESCAFE 3IN1 RICH 25X18G	NESCAFE 3IN1 WHITE COFFEE 15SX30G	NESCAFE 3IN1 WHITE COFFEE 15Sx27G	NESCAFE CLASSIC REFILL PACK 200G	NESCAFE DOLCE GUSTO CAPPUCINO 186.4G	NESCAFE DOLCE GUSTO CHOCONICO 3SX256G	NESCAFE DOLCE GUSTO LATTE MACHIATO 183.2G	NESCAFE ESP CON BLACK 500ML FOC JIGGER	NESCAFE ESP CON VANILLA 500ML FOC JIGGER	NESCAFE ESP CONCENTRATE BLACK 500ML	NESCAFE ESP CONCENTRATE VANILLA 500ML	NESCAFE GOLD 200G FOC CUTLERY SET	NESCAFE GOLD 2IN1 CAFE WHITE (12X16G)	NESCAFE GOLD 2IN1 CAFE WHITE 12X16G FOC CHOPSTICK
PRODUK TURUT SERTA																								
NESCAFE 3IN1 HAZELNUT LATTE 15SX23G																								
NESCAFE 3IN1 KURMA 15X23G																								
NESCAFE 3IN1 MILD 25X18G																								
NESCAFE 3IN1 MOCHA LATTE 15SX25G																								
NESCAFE 3IN1 ORI 25X18G																								
NESCAFE 3IN1 ORI 25X18G FOC 3S																								
NESCAFE 3IN1 ORI 50SX18G + TUMBLER																								
NESCAFE 3IN1 ORI 5X18G																								
NESCAFE 3IN1 RICH 25X18G																								
NESCAFE 3IN1 WHITE COFFEE 15SX30G																								
NESCAFE 3IN1 WHITE COFFEE 15Sx27G																								
NESCAFE CLASSIC REFILL PACK 200G																								
NESCAFE DOLCE GUSTO CAPPUCINO 186.4G																								
NESCAFE DOLCE GUSTO CHOCONICO 3SX256G																								
NESCAFE DOLCE GUSTO LATTE MACHIATO 183.2G																								
NESCAFE ESP CON BLACK 500ML FOC JIGGER																								
NESCAFE ESP CON VANILLA 500ML FOC JIGGER																								
NESCAFE ESP CONCENTRATE BLACK 500ML																								
NESCAFE ESP CONCENTRATE VANILLA 500ML																								
NESCAFE GOLD 200G FOC CUTLERY SET																								
NESCAFE GOLD 2IN1 CAFE WHITE (12X16G)																								
NESCAFE GOLD 2IN1 CAFE WHITE 12X16G FOC CHOPSTICK																								

		NESCAFE GOLD AMERICANO 12X11G NESCAFE GOLD CREAMY LATTE 12X31G NESCAFE GOLD CREAMY LATTE POUCH 12X33G NESCAFE GOLD CREAMY LATTE 12X31G FOC SPN NESCAFE GOLD DARK LATTE 12X34G NESCAFE GOLD DARK LATTE 12X34G FOC CHOPSTICKS NESCAFE GOLD DARK LATTE 12X34G FOC SPN NESCAFE GOLD 2IN1 CAF WTE 12X16G FOC SPN NESCAFE GOLD JAR 200G FOC GOLD BOWL NESCAFE GOLD JAR 200G FOC TISSUE SLEEVE NESCAFE GOLD JAR 200G FOC TUMBLER NESCAFE GOLD ORIGINS ALTA RICA 100G NESCAFE GOLD ORIGINS CAP COLOMBIA 100G NESCAFE GOLD STICKBOX 20SX2G NESCAFE KOPI O 15X16G NESCAFE LATTE 2IN1 CHO HAZELNUT 15SX11G NESCAFE LATTE 2IN1 SALT CARAMEL 15SX11G NESCAFE LATTE 3IN1 CEREAL MILK 15X25G NESCAFE LATTE CARAMEL 25GX20S NESCAFE LATTE HAZELNUT 20SX24G NESCAFE LATTE MOCHA 15SX31G NESCAFE TARIK 15X31G NESCAFE WHITE COFFEE ORI 15SX33G	
6. <u>Kaedah Penyertaan & Bukti Pembelian:</u>	a. Untuk menyertai Promosi ini, beli minimum Ringgit Malaysia Lapan Belas (RM18) (“Pembelian Minimum”) mana-mana Produk dalam satu resit tunggal dari mana-mana outlet LOTUS’S di dalam kedai (“Resit”) dan /atau tangkapan skrin invois dari Laman Web Rasmi LOTUS’S, kedai rasmi LOTUS’S di Shopee atau kedai rasmi LOTUS’S di Lazada platform di dalam talian sahaja (“Invois”) (secara kolektif dirujuk sebagai "Bukti Pembelian") semasa Tempoh Promosi. b. <u>Resit Outlet LOTUS’S di dalam kedai:</u> - Resit boleh didapati dalam bentuk resit bercetak dari sistem point-of-sale Outlet dan/atau resit bertulis untuk pembelian di dalam kedai Outlet. Resit mesti mengandungi nama dan/atau logo Outlet di mana pembelian dibuat. Sekiranya ini tidak tertera, Resit perlu dicop dengan cap rasmi syarikat outlet di mana pembelian dibuat. - Resit juga mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian Produk dan nombor Resit (“Butiran Resit”). c. <u>Invois Laman Web Rasmi LOTUS’S, kedai rasmi LOTUS’S di Shopee atau kedai rasmi LOTUS’S di Lazada:</u> - Invois boleh didapati dalam bentuk tangkapan skrin invois untuk pembelian dalam talian dari mana-mana peniaga dalam talian. Invois mesti mengandungi		

	nama dan/atau logo peniaga dalam talian di mana pembelian dalam talian dibuat. ii. Invois juga mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian dan nombor invois ("Butiran Invois"). d. Kaedah penyerahan Peraduan adalah melalui <u>Laman Web Promosi</u> sahaja. Semua kaedah penyerahan lain akan dibatalkan. e. <u>Penyerahan Penyertaan melalui Laman Web Promosi:</u> i. Lawati Laman Web Promosi di: https://www.nestlehomeofgood.com.my/ms/good-deals/nescafe-raya-jom-beli-dan-menang atau imbas kod QR yang ditunjukkan pada bahan komunikasi di Outlet yang mengambil bahagian dan lengkapkan Borang Web. ii. Lengkapkan semua butiran peribadi yang diperlukan termasuk negeri pemastautin ("Butiran Peribadi") pada Borang Web dan nombor mudah alih berdaftar di Malaysia yang serasi dengan WhatsApp untuk komunikasi lanjut. iii. Tangkap satu (1) gambar/imej yang jelas dan boleh dibaca dalam format jpg atau jpeg atau png ("Imej") Bukti Pembelian dengan Butiran Resit atau Butiran Invois. iv. Satu (1) Imej mesti mengandungi gambar satu (1) Bukti Pembelian sahaja dan saiz fail Imej mesti kurang daripada 5MB. v. Muat naik Imej pada Borang Web dan klik 'hantar' ("Penyertaan"). vi. Penganjur akan memaparkan mesej Terima Kasih untuk setiap Penyertaan yang diterima. f. Peserta boleh menghantar seberapa banyak Bukti Pembelian yang mereka inginkan tetapi setiap Bukti Pembelian HANYA layak untuk satu (1) penyerahan Penyertaan. g. Setiap Penyertaan yang diterima akan disahkan dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi penyertaan yang layak (setiap "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan-penyertaan Layak"). Penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana Penyertaan dengan Butiran Peribadi yang tidak lengkap atau tidak sepadan, Imej yang tidak jelas dan/atau tidak boleh dibaca dan/atau pendua dan/atau mengandungi lebih daripada satu (1) Bukti Pembelian dan/atau di mana Bukti Pembelian tidak boleh dibaca, dengan butiran yang tidak lengkap, dicetak semula, diduplikasi, tidak jelas, rosak, ditukar dan/atau diubah suai dalam apa jua cara. h. Semua Penyertaan akan disemak untuk pendua berdasarkan nama penuh Peserta, nombor pengenalan dan nombor mudah alih yang diserahkan. Semua Penyertaan yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di sini akan dibatalkan kelayakan oleh Penganjur tanpa pemberitahuan lanjut kepada Peserta. Penganjur juga boleh, tanpa pemberitahuan lanjut kepada Peserta, membatalkan kelayakan mana-mana Bukti Pembelian jika Penganjur mengesyaki bahawa Peserta menyerahkan Bukti Pembelian yang dihasilkan sendiri, dipalsukan atau dikeluarkan ke atas Produk yang belum dibeli.
--	--

	i. Penganjur berhak untuk meminta bukti salinan cetak Bukti Pembelian asal seperti imej yang diterima dalam Penyertaan Layak sebagai bukti untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak Bukti Pembelian asal apabila diminta akan mengakibatkan pembatalan dan pelucutan.								
7. <u>Tarikh Tutup Penyertaan:</u>	Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur dalam Tempoh Promosi. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi akan dibatalkan secara automatik.								
8. <u>Peruntukan nombor bersiri pada Penyertaan Layak:</u>	a. Semasa proses pemilihan finalis, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri mengikut jumlah pembelian Produk seperti yang dinyatakan dalam Bukti Pembelian pada Penyertaan Layak yang diserahkan, seperti berikut: - Untuk setiap pembelian Produk Ringgit Malaysia Lapan Belas (RM18), Penganjur akan memperuntukkan satu (1) nombor bersiri. - Dalam apa jua keadaan, terdapat had peruntukan maksimum sepuluh (10) nombor bersiri bagi setiap Bukti Pembelian. Sebarang jumlah baki dalam Bukti Pembelian akan dibatalkan sebaik sahaja nombor bersiri maksimum telah diperuntukkan. b. Sebagai contoh: - Jika anda membeli Produk bernilai RM20.50 dalam satu (1) Bukti Pembelian sepanjang Tempoh Promosi, satu (1) nombor bersiri akan diperuntukkan. - Jika anda membeli Produk bernilai RM180.50 dalam satu (1) Bukti Pembelian sepanjang Tempoh Promosi, sepuluh (10) nombor bersiri akan diperuntukkan. - Jika anda membeli Produk bernilai RM380.50 dalam satu (1) Bukti Pembelian sepanjang Tempoh Promosi, maksimum sepuluh (10) nombor bersiri akan diperuntukkan.								
9. <u>Hadiah Mingguan:</u>	a. Terdapat sejumlah lima belas (15) Hadiah Mingguan berupa satu (1) Set TEFAL Quick Chef 7pcs bernilai RM300 setiap satu untuk dimenangi setiap minggu bagi tujuh (7) minggu berturut-turut. b. Terdapat sejumlah satu ratus lima (105) Hadiah Mingguan untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi. c. Kumpulan Penyertaan adalah berdasarkan tarikh penerimaan Penyertaan Layak, dan tujuh (7) tempoh mingguan adalah seperti berikut: <table border="0"> <tr> <td>Minggu 1: 19/02/2026 – 25/02/2026</td> <td>Minggu 2: 26/02/2026 - 04/03/2026</td> </tr> <tr> <td>Minggu 3: 05/03/2026 – 11/03/2026</td> <td>Minggu 4: 12/03/2026 – 18/03/2026</td> </tr> <tr> <td>Minggu 5: 19/03/2026 – 25/03/2026</td> <td>Minggu 6: 26/03/2026 – 01/04/2026</td> </tr> <tr> <td>Minggu 7: 02/04/2026 – 08/04/2026</td> <td></td> </tr> </table>	Minggu 1: 19/02/2026 – 25/02/2026	Minggu 2: 26/02/2026 - 04/03/2026	Minggu 3: 05/03/2026 – 11/03/2026	Minggu 4: 12/03/2026 – 18/03/2026	Minggu 5: 19/03/2026 – 25/03/2026	Minggu 6: 26/03/2026 – 01/04/2026	Minggu 7: 02/04/2026 – 08/04/2026	
Minggu 1: 19/02/2026 – 25/02/2026	Minggu 2: 26/02/2026 - 04/03/2026								
Minggu 3: 05/03/2026 – 11/03/2026	Minggu 4: 12/03/2026 – 18/03/2026								
Minggu 5: 19/03/2026 – 25/03/2026	Minggu 6: 26/03/2026 – 01/04/2026								
Minggu 7: 02/04/2026 – 08/04/2026									
10. <u>Maklumat Pengadil – Hadiah Mingguan:</u>	a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Mingguan, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri kepada Penyertaan Layak mengikut Klausa 8, bermula dari nombor bersiri "1". b. Setiap minggu nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan								

	Penyertaan Layak ("Jumlah Penyertaan Layak"). Andainya Jumlah Penyertaan Layak adalah 751, Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan cara berikut: i. Pemilihan lima belas (15) Finalis Hadiah Mingguan: $751 \div 15 = 50.06$. Oleh sebab pembahagian 751 dengan 15 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 50.06 akan dibundarkan ke bawah kepada 50. 15 Peserta berikut dengan Penyertaan yang mengandungi nombor bersiri berikut akan dipilih: 50*, 100*, 150*, 200, 250, 300 dan seterusnya (*contoh pengiraan: 50, 50+50=100, 100+=50=150).
11. <u>Hadiah Utama:</u>	a. Terdapat sejumlah tiga (3) Hadiah Utama berupa satu (1) THERMOMIX® TM7 bernilai RM7980 setiap satu untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.
12. <u>Maklumat Pengadilan – Hadiah Utama:</u>	a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Utama, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri kepada Penyertaan Layak mengikut Klausula 8, bermula dari nombor bersiri "1". b. Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ("Jumlah Penyertaan Layak"). Andainya Jumlah Penyertaan Layak adalah 3335, Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan cara berikut: i. Pemilihan tiga (3) Finalis Hadiah Utama: $3335 \div 3 = 1111.66$. Oleh sebab pembahagian 3335 dengan 3 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 1111.66 akan dibundarkan ke bawah kepada 1111. 3 Peserta berikut dengan Penyertaan yang mengandungi nombor bersiri berikut akan dipilih: 1111*, 2222* dan 3333* (*contoh pengiraan: 1111, 1111+1111=2222, 2222+1111=3333).
13. <u>Terma Tambahan:</u>	a. Setiap Peserta hanya boleh memenangi di sepanjang Tempoh Promosi: i. satu (1) Hadiah Mingguan bagi setiap minggu dan maksimum dua Hadiah Mingguan; dan ii. satu (1) Hadiah Utama. b. Penganjur akan menghubungi semua Finalis terpilih melalui nombor WhatsApp rasmi PERADUAN MERIAHKAN AIDILFITRI BERSAMA NÉSCAFE EKSKLUSIF DI LOTUS'S: +6018 322 9355 ke nombor mudah alih yang diterima oleh Penganjur dalam Penyertaan Layak. Setiap Finalis terpilih akan diberikan satu (1) soalan untuk dijawab. Finalis terpilih perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Kegagalan untuk menjawab dengan betul dan/atau kegagalan untuk menjawab soalan yang diberikan oleh Penganjur dalam masa yang dinyatakan akan mengakibatkan pembatalan Hadiah. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya Finalis terpilih tidak boleh dihubungi atas apa jua sebab. Penganjur berhak untuk memilih Finalis lain mengikut budi bicara Penganjur sekiranya Finalis awal yang dipilih tidak dapat dihubungi atau gagal menjawab soalan dengan betul dalam masa yang dinyatakan. Finalis yang menjawab soalan dengan betul dalam masa yang dinyatakan akan dianggap sebagai Pemenang.

	c. Iklan Keputusan Pemenang boleh didapati di https://www.nestlehomeofgood.com.my/ms/good-deals/nescafe-raya-jom-beli-dan-menang dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) minggu dari tarikh tutup Promosi. d. Semua Pemenang mesti memberikan butiran peribadi mereka yang diperlukan kepada Penganjur untuk pemenuhan hadiah, tanpanya Penganjur mungkin tidak dapat memenuhi hadiah tersebut. Penganjur berhak untuk membatalkan Hadiah mereka jika Pemenang gagal memberikan butiran penuh mereka atas permintaan. Penganjur berhak untuk membatalkan sebarang Penyertaan atau Hadiah jika butiran peribadi Peserta atau Pemenang (termasuk nama penuh, nombor pengenalan dan nombor mudah alih) didapati tidak tepat atau salah pada bila-bila masa. e. Penganjur berhak meminta penyerahan salinan fotokopi dokumen pengenalan dan salinan asli Bukti Pembelian seperti imej yang diterima dalam Penyertaan Layak daripada Pemenang untuk pengesahan sebelum pemenuhan Hadiah. Kegagalan untuk menyerahkan atas permintaan akan menyebabkan kehilangan kelayakan dan pembatalan. Selepas pengesahan, Penganjur berhak untuk membatalkan Hadiah mereka jika Penganjur mengesyaki bahawa Pemenang yang dikatakan telah menyerahkan Bukti Pembelian yang dicetak semula, yang dihasilkan sendiri, dipalsukan atau dikeluarkan ke atas Produk yang belum dibeli. f. Semua Pemenang akan menerima hadiah mereka melalui kurier dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) minggu dari tarikh tutup Promosi ke alamat yang diberikan oleh Pemenang. Hadiah boleh dibatalkan jika Pemenang tidak hadir di alamat mereka pada masa penghantaran. g. Penganjur tidak akan bertanggungjawab jika mana-mana Hadiah atau surat perakuan tidak dapat dihantar atau digunakan kepada Pemenang kerana sebarang perubahan atau perbezaan alamat penghantaran dan/atau nombor telefon mudah alih yang diserahkan oleh Pemenang kepada Penganjur semasa penyerahan Penyertaan. h. Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh masa yang dinyatakan di bawah klausa ini disebabkan oleh sebab-sebab di luar kawalan Penganjur. Penganjur berhak untuk menukar kaedah pemenuhan Hadiah yang dinyatakan di bawah klausa ini mengikut budi bicara Penganjur. i. Semua Hadiah yang tidak dituntut selepas tarikh tutup yang ditetapkan oleh Penganjur dalam pemberitahuan pemenang untuk pengambilan Hadiah akan dibatalkan. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan alternatif yang sama atau lebih besar nilainya sekiranya hadiah asal yang ditawarkan tidak tersedia. j. Semua Pemenang mesti mematuhi terma dan syarat pihak yang mengatur dan/atau menyediakan Hadiah serta terma dan syarat yang disertakan, jika ada.
--	---

	k. Penganjur tidak termasuk tanggungjawabnya dan semua tanggungjawab yang timbul daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan atau pengubahsuaian pada Promosi atau hadiah atau disebabkan oleh keadaan lain yang tidak dijangka dan di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan pihak pemerintah, kekacauan awam, rusuhan, perang, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tindakan keganasan, permusuhan, kecemasan nasional, atau berlakunya epidemik/pandemik) dan untuk sebarang tindakan atau keingkaran oleh mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga. l. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan yang berlaku ke atas hadiah semasa proses penghantaran. Sebarang kos tambahan lain (seperti kos perjalanan, kos pengangkutan, duti dan cukai) yang termasuk untuk menebus atau mengambil hadiah akan ditanggung oleh pemenang atas kos mereka sendiri.
--	---

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan **Syarat Penyertaan dan Notis Privasi** yang boleh didapati di: <https://www.nestlehomeofgood.com.my/ms/good-deals/nescafe-royal-jom-beli-dan-menang>, secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua peserta (dan ibu bapa/penjaga sah peserta, dalam kes peserta di bawah umur) yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”).

B: Syarat-syarat Penyertaan

1. Pengenalan

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan secara kolektif akan dirujuk sebagai “Terma dan Syarat”. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Promosi, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Promosi akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).

- 1.3 Keputusan Penganjur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Promosi termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan konklusif pada semua Peserta, dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta. Sebarang surat menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

2. Penyertaan Promosi

- 2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Promosi ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Promosi ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan semasa atau berhubung dengan Promosi ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukanlah bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau bukti penerimaan yang tidak diterima. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau pengubahsuaian komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau pemain akibat masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di Internet.

3. Kelayakan

- 3.1 Sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan, sekiranya Peserta berumur di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga sah mereka sebelum menyertai Promosi ini dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta untuk memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi ini termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis ibu bapa/penjaga sah untuk Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

4. Ketidaklayakan

Kumpulan orang yang dinyatakan di bawah tidak layak untuk menyertai Promosi ini:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka); dan

- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang berkaitan dengan Promosi ini dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka).

5. Perlucutan Kelayakan

5.1 Penyertaan berikut akan dilucutkan kelayakannya:

- (a) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
- (b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.

5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

- (a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Promosi dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau
- (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.

5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.

6. Hadiah

6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.

6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.

6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.

6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

(a) Tiket Acara:

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

(b) Hadiah Pelancongan/Percutian:

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan adalah tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti

dituntut menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

- 6.5 Hadiah diberikan berasaskan “keadaan seperti sedia ada”. Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.
- 6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan.
- 6.7 Di mana seorang Peserta masih di bawah umur lapan belas (18) tahun dan diumumkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

7. Publisiti

Penganjur boleh menggunakan penyertaan seorang Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Promosi (secara kolektif dirujuk sebagai “Material”), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk pengiklanan, publisiti dan Promosi mana-mana barangan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan di mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

8. Hak Milik Harta Intelektual

Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau material yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Promosi ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai material atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta menyetujui segala haknya ke atas material atau hasil kerja tersebut.

9. Indemniti

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan kerosakan berbangkit) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Promosi, penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berhubung dengan Promosi ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

10. Had Liabiliti

- 10.1 Penyertaan Peserta dalam Promosi ini adalah atas risiko Peserta sendiri.
- 10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Promosi ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.

11. Am

- 11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Promosi dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.
- 11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang material (termasuk material pemasaran dan Promosi) berhubung dengan Promosi ini, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Promosi ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.
- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.
- 11.4 Ketidaksahan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Promosi ini tidak akan mempengaruhi atau menjejaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Promosi yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Promosi ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa yang lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasa dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Promosi ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

12. Notis Privasi

- 12.1 Dengan menyertai Promosi, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur mengikut Notis Privasi di https://www.nestle.com.my/info/privacy_policy/privacy_bm.
- 12.2 By participating in the Promotion, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in https://www.nestle.com.my/info/privacy_notice.